



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

SUNAT-SUNAT HAI'AT : JANGAN TINGGALKAN WALAUPUN SUNAT

(BILANGAN 257 BILANGAN KEDUA)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaibi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

1. Sunat membaca *ta'awwudz* sebelum membaca *Basmalah*:
() walaupun pada sembahyang jenazah. Lafaz *ta'awwudz*:

(())

Ertinya: “*Aku berlindung kepada Allah daripada godaan syaitan yang direjam.*”

Sunat membaca *ta'awwudz* pada setiap raka'at, namun membacanya pada raka'at pertama amat ditekankan.

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* di dalam kitab al-Azkar: Disunatkan *ta'awwudz* pada raka'at yang pertama. Jika tidak dibaca pada raka'at pertama, maka dibaca pada raka'at kedua. Jika tidak dibaca pada raka'at kedua, dibaca pada raka'at seterusnya. Sekiranya pada raka'at pertama sudah mengucapkan *ta'awwudz*, maka membacanya pada raka'at yang selanjutnya pada pendapat yang lebih shahih adalah sunat. Namun

membaca pada rakaat yang pertama lebih *mu'akkad* (lebih diberatkan).

2. Sunat orang yang sembahyang membaca () selesai membaca al-Fatihah dan sebelum menyebut “*amin*”.

Menurut Imam Syabramallisi *Rahimahullah* ditambah: ()

(.

3. Sunat membaca “*amin*” () selesai membaca al-Fatihah.

Sunat mengucapkan bacaan “*amin*” bagi imam, ma'mum dan orang sembahyang sendirian. Di dalam sembahyang yang disunatkan menjabr (menyaringkan) bacaan, imam dan orang yang sembahyang sendirian disunatkan menyaringkan bacaan “*amin*”. Menurut pendapat yang shahih sunat bagi ma'mum, sama ada sedikit atau ramai jemaahnya menyaringkan bacaan “*amin*” bersama-sama dengan imam, iaitu tidak mendahului atau mengakhirkan bacaan “*amin*” dari “*amin*” imam.

Diriwayatkan dari Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

(()) :

()

Maksudnya: “*Apabila imam telah membaca:*

maka katakanlah “amin”. Kerana sesungguhnya barangsiapa bersamaan bacaan (amin)nya dengan bacaan (amin) malaikat, diampunkan segala dosa-dosa (kecil)nya yang lalu.”

(Hadis riwayat al-Bukhari)

4. Sunat diam sebentar pada kadar bacaan () pada tempat-tempat berikut:

- a) Antara *takbiratul ibram* dan do'a *iftitah*
- b) Antara do'a *iftitah* dan *ta'awwudz*
- c) Antara *ta'awwudz* dan *Basmalah*
- d) Antara akhir al-Fatihah dan lafaz "*amin*"
- e) Antara lafaz "*amin*" dan permulaan surah
- f) Antara akhir surah dan takbir untuk ruku'.

5. Sunat dibaca ayat-ayat atau surah al-Qur'an selepas bacaan surah al-Fatihah pada dua raka'at pertama.

Sunat memanjangkan bacaan ayat-ayat atau surah al-Qur'an pada raka'at pertama sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Dalam sebuah hadis diriwayatkan bahawa Baginda *Shallallahu 'alaihi wasallam* memanjangkan bacaan surah pada raka'at yang pertama ketika sembahyang fardhu Zuhur dan memendekkannya pada raka'at yang kedua.

6. Apabila ma'mum selesai membaca al-Fatihah pada raka'at ketiga dan keempat, dan imam belum lagi ruku', sunat bagi ma'mum mengisikan waktu tersebut dengan membaca doa atau membaca ayat-ayat al-Qur'an. Namun yang lebih *awla* (utama) adalah membaca ayat-ayat al-Qur'an. Manakala jika imam belum lagi berdiri selepas *tasyahhud awal*, maka sunat bagi ma'mum menyambung *shalawat* untuk ahli keluarga Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* dan seterusnya.

7. Sunat dibaca surah-surah tertentu di dalam sembahyang fardhu yang dilakukan pada hari Jumaat sebagaimana berikut:

- a) Di dalam sembahyang fardhu Jumaat dan sembahyang fardhu Isya', sunat dibaca surah *al-Jumu'ah* pada raka'at pertama dan surah *al-Munafiqun* pada raka'at kedua, atau surah *al-A'laa* pada raka'at pertama dan surah *al-Ghasyiyah* pada raka'at yang kedua.
 - b) Di dalam sembahyang fardhu Subuh, sunat dibaca surah *as-Sajdah* pada raka'at pertama dan surah *al-Ghasyiyah* pada raka'at yang kedua.
 - c) Di dalam sembahyang fardhu Maghrib, sunat dibaca surah *al-Kafiruun* pada raka'at pertama dan surah *al-Ikhlâs* pada raka'at kedua.
8. Bagi imam dan orang yang sembahyang bersendirian adalah sunat menyaringkan suara ketika sembahyang Subuh, pada dua raka'at pertama sembahyang Maghrib, sembahyang Isya', pada kedua sembahyang Hari Raya, Terawih, Witir di bulan Ramadhan dan ketika sembahyang Gerhana Bulan. Begitu juga disunatkan imam menyaringkan suara ketika sembahyang fardhu Jumaat.
 9. Sunat takbir *al-intiqal* (takbir untuk berpindah dari satu rukun pada satu rukun yang lain) ketika tunduk untuk ruku' dan sujud, dan ketika bangkit dari sujud dan *tasyahhud awal*.
 10. Sunat bagi imam menyaringkan suara pada *takbiratul ihram* dan takbir *al-intiqal* dengan tujuan zikir sahaja atau dengan tujuan zikir serta makluman kepada ma'mum. Manakala bagi ma'mum dan orang yang bersembahyang secara bersendirian, makruh hukumnya mengeraskan suara pada bacaan tersebut.
 11. Ketika ruku', sunat menyamaratakan kedudukan punggung, leher dan kepala, serta tangan memegang kedua belah lutut.

12. Bagi lelaki sunat merenggangkan kedua belah siku dari rusuk dan merenggangkan perut dari kedua belah paha ketika ruku' dan sujud. Manakala bagi perempuan sunat merapatkan anggota-anggota tersebut.

bersambung